



**PERSEMBAHAN INOVASI TAHUN 2007**  
**KATEGORI TEKNIKAL**

**14 TAJUK : ADJUSTABLE TOW BAR (ATB)**  
**KUMPULAN : GEAR**  
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN**  
**ELEKTRIKAL, JPS KEDAH**

Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab memastikan setiap kenderaan diselenggara setiap bulan dengan sempurna mengikut jadual supaya sentiasa berupaya beroperasi dengan cekap dan sempurna. Seterusnya memberi respon dalam masa 24 jam, ke atas aduan kerosakan kenderaan dari pengguna serta mengambil tindakan susulan sewajarnya dalam tempoh 24 jam berikutnya. Tetapi terdapat beberapa masalah yang menghalang kerja-kerja ini dilakukan dengan sempurna. Antara masalah tersebut adalah seperti berikut:

1. Tiada alat yang sesuai untuk menunda kereta Jabatan yang rosak.
2. Kerap kali menggunakan tali atau besi yang panjang.
3. Susah untuk mengawal kenderaan yang ditunda mahupun yang menunda dengan menggunakan alat yang tidak sesuai.
4. Perhubungan (Hand Phone – tiada liputan).
5. Mengambil masa yang lama untuk tindakan menunda.

Adjustable Tow Bar (ATB) telah direka bagi mengatasi masalah-masalah yang biasanya berlaku apabila kenderaan jabatan rosak. Alatan ini mudah dikendalikan dan direka bentuk mengikut kesesuaian untuk di simpan dalam setiap kenderaan Jabatan (ie- pajero, Land Rover dll). Kebanyakan komponen-komponen yang digunakan untuk mencipta 'ATB' adalah terdiri daripada barang-barang yang terpakai yang diubahsuai mengikut keperluan alatan ini.